

SOALAN NO. 314**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN NEGARA****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kes cerai di Malaysia dan kes kehamilan bawah umur 18 tahun dari tahun 2010-2017 mengikut bangsa, umur dan negeri.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Di Pertua,

Di Malaysia, pendaftaran penceraian adalah di bawah seliaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi pasangan bukan Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi pasangan beragama Islam. Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara, bilangan kes penceraian melibatkan **orang bukan Islam** pada tahun 2016 adalah sebanyak 9,900 kes, peningkatan sebanyak 1.6 peratus daripada 9,744 kes yang dicatatkan pada tahun 2015. Pada tahun 2017, sehingga bulan Jun, sebanyak 3,069 kes yang telah direkodkan.

Pada tahun 2015, 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,796 kes (18.4%), diikuti Johor dengan 1,691 kes (17.4%) dan Selangor 1,321kes (13.6%). Jumlah kes penceraian pada tahun 2016 pula hanya mencatatkan peningkatan kecil iaitu pertambahan 156 kes kepada 9,900 kes dengan 3 negeri yang

mencatatkan kes tertinggi adalah Johor 1,841 kes (18.6%), diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1,745 kes (17.6%), dan Sarawak 1,169 kes (11.8%). Sehingga Jun tahun 2017 pula, jumlah kes penceraian adalah sebanyak 3,069 dengan 3 negeri mencatatkan kes tertinggi adalah Johor (566 kes), diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (509 kes) dan Sarawak (420 kes).

Sementara itu, bagi **orang Islam**, rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menunjukkan sebanyak 59,712 kes penceraian dicatatkan pada tahun 2014 di mana 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi adalah Selangor (11,297 kes), diikuti Sabah (7,421 kes) dan Johor (5,871 kes). Angka ini terus meningkat sebanyak 6.3 peratus pada tahun 2015 kepada 63,463 kes di mana 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi adalah Selangor (11,873 kes), diikuti Sabah (8,272 kes) dan Johor (6,147 kes). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 59,588 kes adalah berbangsa Melayu.

Bagi tahun 2016 pula, sebanyak 48,077 kes dicatatkan sehingga 10 Julai 2016 dengan 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi iaitu Selangor (7,731

kes), diikuti Sabah (6,638 kes) dan Johor (4,700 kes). Sebanyak 44,292 kes pada tahun ini melibatkan bangsa Melayu.

Kes Hamil Bawah Umur

Berdasarkan statistik yang diterima dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pada tahun 2011, sebanyak 18,652 kes remaja perempuan hamil berumur 10-19 tahun telah dilaporkan. Daripada jumlah kes ini, Sabah mencatatkan kes tertinggi dengan 6,090 kes diikuti Sarawak (3,707 kes) dan Selangor (1,765 kes). Namun begitu, sejak dari tahun 2013, bilangan kes remaja hamil menurun secara beransur-ansur dengan hanya 12,492 kes remaja hamil direkodkan pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, bilangan kes remaja hamil tertinggi dicatatkan di Sabah dengan 2,564 kes diikuti Sarawak (2,481 kes) dan Johor (1,172 kes). Untuk tahun 2017 pula, setakat bulan Januari hingga Mac, 2,664 kes remaja hamil dilaporkan dengan Sarawak mencatatkan bilangan kes tertinggi dengan 527 kes diikuti Sabah (500 kes) dan Selangor (256 kes).

SOALAN (315)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]

SOALAN :-

YB. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan Kementerian untuk menaiktaraf infrastruktur untuk menangani masalah kebanjiran di Taman Bayu Perdana dan Taman Melawis di kawasan Parlimen Klang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengurusan sistem saliran dan perparitan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah bidang kuasa PBT masing-masing.

Oleh kerana masalah banjir berkait rapat dengan tahap pengurusan sistem saliran dan perparitan, KPKT menyarankan agar PBT sentiasa bersedia dengan langkah-langkah bagi menangani masalah banjir di kawasan masing-masing seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti kawasan seperti parit, longkang, pembetung dan kolam takungan yang berisiko yang boleh menyebabkan kejadian banjir;
- (ii) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan kolam takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti berikut:

- (a) Membuang kekotoran atau longgokan sampah dalam parit atau sump;
 - (b) Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air; dan
 - (c) Memperbaiki sistem perparitan, longkang dan pembetung yang rosak atau menaik taraf parit yang berisi padu rendah.
-
- (iii) Memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggarakan parit, longkang, pembetung dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan; dan
 - (iv) Menggalakkan PBT mewujudkan jaringan kerjasama dengan Jabatan atau agensi teknikal berkaitan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah dalam menangani isu berkaitan banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan menaik taraf infrastruktur bagi menangani masalah banjir di kawasan PBT terletak di bawah tanggungjawab PBT dan bukan di bawah Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ogos 2017